

Raja Yusuf Shah bersama isteri membersihkan rumah mereka yang dinaiki di Lorong Pinang, Kampung Batak Rabit, Teluk Intan, semalam. (Foto Noor Hidayah Tanzizi/BH)



‘Dua hari bersih rumah dinaiki air’

Berita HARIAN COB (11/2021) M15 16

Penduduk harap pihak berkuasa bina ban elak limpahan Sungai Perak

Oleh Noor Hidayah Tanzizi fahmy.azril@bh.com.my

Teluk Intan: “Penat bersihkan rumah kelmarin (Rabu) pun tak hilang lagi, hari ini (semalam) sambung cuci lagi. Kalau ada ban sebagai benteng bagi elak air sungai melimpah, pasti masalah selesai,” kata Raja Yusuf Shah

Intan yang terjejas ialah Kampung Sungai Kerawai, Kampung Terengganu, pekan Teluk Intan, Kampung Esso, Ban Taman Maharani, Batu 6 Jalan Maharajalela, Taman Muhibbah Batu 6, Lorong Masjid Kampung Bahagia dan Taman Desa Aman, namun sudah surut sepenuhnya.

Sementara itu, Rubiah Radzy, 38, dari Batu Empat, datang ke rumah ibunya di Lorong Kalat untuk bersama adik-beradik dan anak saudara membantu membersihkan rumah yang dinaiki air sejak Rabu, namun ibu dan keluarga adiknya sudah membuat persiapan awal meletakkan semua barang dan dokumen penting di tempat lebih selamat.

“Sungai Perak di belakang rumah emak, memang selalu ru-

turut menyukarkan aktiviti menjala.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Changkat Jong, Datuk Mohd Azhar Jamaluddin, berkata kira-kira RM40 juta diperlukan untuk mengatasi masalah banjir kilat disebabkan limpahan air Sungai Perak di sekitar Teluk Intan.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak RM30 juta disalur bagi pelaksanaan projek tebatan banjir berhampiran Kampung Batak Rabit yang sudah dijalankan, namun berdepan beberapa isu dan terpaksa ditangguhkan kerana perlu direka bentuk semula.

Sementara itu, Dataran Waterfront Bagan Datuk dan Bagan Sungai Burung juga terjejas ban-



Anggota polis melihat air yang melimpah di Pelabuhan Klang. (Foto Faiz Anuar/BH)

Raja Sulaiman.

Katanya, rumahnya di Lorong Pinang, antara 70 kediaman termasuk di Lorong Kalat, Batak Rabit di sini, yang terjejas apabila dinaiki air sehingga setengah meter susulan fenomena air pasang besar sejak kelmarin berikutan limpahan air Sungai Perak disebabkan tiada benteng atau ban di pesisir sungai hingga menjejaskan rumah penduduk.

“Air pasang sebelum ini pun, air naik tetapi kali ini berturut-turut, memang penat nak bersih dan cuci rumah. Kami sangat bersyukur air pasang kali ini tidak bertembung dengan hujan lebat,” katanya ketika ditemui di rumah bapa mentuanya di sini, semalam.

Katanya, air mula naik pada jam 5.30 pagi sebelum surut sejam selepas itu dan mereka tidak berpindah ke pusat pemindahan kerana air akan surut sepenuhnya selepas beberapa jam.

“Kalau ada ban, dapat bantu elak limpahan air. Kami sangat berharap pihak berkenaan dapat membina ban baharu di sini yang sudah terhakis sejak 10 tahun lalu,” katanya tinggal bersama isteri, tiga anak dan bapa mentua.

Beberapa kawasan di Teluk

mah dinaiki air apabila air pasang. Jam 5 pagi tadi (semalam), air mula masuk ke dalam rumah dan surut pada jam 7.30 pagi. Sempatlah kami bersarapan di dapur yang dinaiki air,” katanya.

Nelayan, Mohd Salim Shaari, 60, berkata dia tidak mahu mengambil risiko mencari ikan di sungai kerana arus sungai laju ketika air pasang besar, selain banyak sampah di sungai yang



Dataran Waterfront Bagan Datuk turut terjejas banjir kilat susulan fenomena air pasang besar.

dirigir kilat susulan fenomena air pasang besar.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Bagan Datuk, Kapten (PA) Mohd Zaidi Ahmad berkata, ketinggian paras air laut adalah 3.4m pada jam 4.55 pagi, yang tertinggi setakat ini dengan sebuah rumah di Kampung Pasang Api dinaiki air, namun surut sepenuhnya dan tiada penduduk diarah berpindah.



Keadaan Jalan Persekutuan (FT 05) di Tanjung Karang yang dilimpahi air.

(Foto UPBN Selangor/BH)



Keadaan banjir di Kampung Seberang Kota, Kuala Kedah, semalam.

(Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

Keadaan sawah dan rumah penduduk yang dinaiki air di Kampung Kandai, Mukim Tajar akibat limpahan Sungai Kedah.

(Foto Luqman Hakim Zubir/BH)



Arriz Sham (kiri) meninjau paras air di Sungai Pendang, semalam.
(Foto Zuliaty Zulkiffli/BH)

Berita HANJON (06/11/2021)

856 mangsa banjir ditempatkan di PPS 4 daerah

M/S 17

Alor Setar: Mangsa banjir di sini, mencecah 856 orang daripada 234 keluarga dan ditempatkan di 11 pusat pemindahan sementara (PPS) di empat daerah di negeri ini, setakat jam 4 petang semalam.

lagi PPS dibuka di Kota Setar iaitu di SMK Simpang Kuala dibuka pada jam 2 petang semalam, dengan menempatkan seramai 25 mangsa daripada lapan keluarga. "Ini menjadikan jumlah PPS di Kota Setar adalah lapan namun satu daripadanya sudah



Jalan Kampung Lahar Bongor-Telok Durian, Baling ditutup kepada semua kenderaan selepas ditenggelami air.
(Foto ihsan pembaca)

indian pejalan kaki untuk me belum melangkah ke jalan utama dan David Ramo Bando

• Ketua Bahagian Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kedah, Mejar (PA) Mohd Muaz Mohd Yusoff, berkata semua mangsa adalah antara yang terjejas banjir di daerah Kota Setar, Pokok Sena, Pendang dan Baling.

Beliau berkata, jumlah terkini keseluruhan mangsa banjir di daerah Kota Setar adalah seramai 550 mangsa daripada 156 keluarga.

“PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Langgar masih kekal seramai 80 mangsa daripada 23 keluarga, PPS SK Suka Menanti seramai 67 mangsa daripada 25 keluarga manakala PPS SK Darul Hikmah seramai 118 mangsa daripada 32 keluarga.

“PPS SK Convent seramai 87 mangsa dari 22 keluarga, SK Titi Gajah seramai 10 mangsa daripada dua keluarga dan PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent pula menempatkan seramai 163 mangsa daripada 48 keluarga,” katanya.

Mohd Muaz berkata, PPS SK Haji Wahab di daerah Kota Setar ditutup jam 2 petang semalam dan semua mangsa di PPS itu dibenarkan pulang ke rumah.

Bagaimanapun, katanya, satu

rumah satu daripada yang sudah ditutup hari ini (semalam) menjadikan tujuh PPS masih aktif di daerah itu,” katanya.

Mohd Muaz berkata, keseluruhan mangsa banjir di Pendang masih kekal seramai 287 mangsa daripada 75 keluarga yang ditempatkan di PPS Dewan Rakan Sukan Tanah Merah (206 mangsa daripada 50 keluarga) dan PPS Dewan Cenderawasih seramai 81 mangsa daripada 25 keluarga.

Beliau berkata, satu PPS yang dibuka di daerah Baling iaitu SK Padang Tembak A menempatkan seramai 10 mangsa daripada satu keluarga.

“PPS di daerah Pokok Sena iaitu di SK Tualang pula masih menempatkan enam mangsa daripada dua keluarga,” katanya.

Di **Sungai Petani**, tujuh lokasi hotspot dikesan berpotensi terjejas akibat fenomena air pasang besar di Kuala Muda.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Adzli Abu Shah, berkata bagi daerah ini fenomena air pasang besar berkenaan dijangka berlaku di kawasan persisiran pantai dan sungai di Tanjung Dawai, Kota Kuala Muda dan Tikam Batu.

Di **Pendang**, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pendang mewu-

judkan pasukan khas untuk memantau banjir di daerah itu berikutan banjir yang melanda sejak dua minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Pendang, Deputy Superintendan Arriz Sham Hamezah, berkata pasukan khas pemantau banjir itu terdiri daripada 10 anggota yang boleh dikerah pada bila-bila masa dalam tempoh 24 jam.

Setakat ini, katanya, pihaknya menerima 14 laporan berkaitan banjir di daerah itu yang melanda sejak 22 Oktober lalu.

Di **Tanjong Karang**, fenomena air pasang besar yang memasuki hari kedua semalam menyebabkan Jalan Persekutuan (FT 05), dekat sini dilimpahi air bermula jam 6.30 pagi.

Limpahan air dikesan bermula jam 6.30 pagi itu pada mulanya memasuki longkang sekitar kedai di tepi laluan berkenaan se-

belum melimpah ke jalan utama.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Mohd Faizal Abdul Raji, berkata longkang tidak mampu menampung limpahan besar lalu air melimpah ke jalan.

Sementara itu, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) memaklumkan, pihaknya yang melakukan pemantauan di beberapa lokasi pesisir pantai sekitar Kuala Selangor mendapati berlaku limpahan air hingga menjejaskan laluan.

Katanya, antara lokasi dipantau adalah Pantai Sungai Janggut, Pantai Remis, Pantai Jeram, Bagan Sungai Buloh, Bagan Pasir / Tok Adam dan Bagan Sungai Kajang dan di Sabak Bernam, lokasi dipantau adalah Bagan Sekinchan, Sungai Nibong, Sungai Haji Dorani, Pasir Panjang, Bagan Sungai Besar, Bagan Nakhoda Omar (BNO)

dan Parit Baru Baroh.

Di **Sepang**, semua agensi keselamatan akan terus ditugaskan bagi memantau fenomena air pasang besar di kawasan persisiran pantai Bagan Lalang di sini, sehingga Isnin ini.

Pegawai Daerah Sepang, Khairi Azali Ibrahim, berkata setakat semalam, paras air laut masih normal dan tiada berlaku fenomena air pasang besar.

Di **Baling**, hujan lebat berturan dipercayai menyebabkan mendapan dan tanah runtuh di Jalan Kampung Lahar Bongor-Telok Durian, di sini.

Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Shamsudin Mamat, berkata hujan lebat sejak minggu lalu menyebabkan kawasan lereng bukit menjadi tidak stabil, sebelum berlaku runtuhan cerun pada Rabu lalu.

Bagaimanapun, katanya, tiada kemalangan dilaporkan dengan orang ramai tidak dibenarkan melalui laluan itu sehingga kini.

Beliau berkata, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah melakukan pemantauan ke atas struktur tanah di kawasan terbabit dan akan memaklumkan tindakan selanjutnya jika berlaku lagi pergerakan tanah.



Jumlah terkini keseluruhan mangsa banjir di daerah Kota Setar adalah 550 mangsa daripada 156 keluarga

Mohd Muaz Mohd Yusoff,
Ketua Bahagian Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan
Bencana APM Kedah